



Islam

Merdekakan Wanita daripada
Cengkaman **Jahiliah**

Ahmad Akram Mahmad Robbi

“Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang daripada mereka bahawa dia dikurniakan anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang dia menahan perasaan marahnya di dalam hati.”

(*Surah al-Nahl* 16:58).



Setelah agama Islam diturunkan di Kota Makkah, kaum wanita telah menemui emansipasi yang hakiki. Konsep perhambaan kepada manusia pada zaman jahiliah dahulu, kini berubah kepada konsep perhambaan kepada Tuhan Yang Maha Satu. Kaum wanita tidak lagi dipandang sebagai masyarakat kelas bawahan apabila Islam mengangkat martabat mereka pada satu kedudukan yang tinggi. Dalam buku *Maza 'an al-Mar'ah*, Sheikh Dr. Nuruddin al-'Itr membawa pembaca kembali ke era sejarah silam yang memperlihatkan sikap suku kaum Arab terhadap darjat wanita. Mereka merendah-rendahkan darjat kaum wanita sehingga apabila anak perempuan dilahirkan, mereka menjadi keliru untuk membuat keputusan sama ada bayi perempuan itu wajar dibunuh atau dibiarkan hidup dalam keadaan memalukan keluarganya. Begitu rendah darjat wanita di sisi kaum jahiliah sehingga bayi yang tidak bersalah pun turut menjadi mangsa cercaan.

Selain menganggap kelahiran mereka satu kehinaan, wanita pada zaman jahiliah dahulu juga telah dinafikan hak mereka untuk membuat keputusan terhadap diri sendiri. Kuasa memutuskan sesuatu perkara terletak sepenuhnya pada tangan ketua suku kaum. Hak seperti mewarisi harta pusaka, menuntut pemberian nafkah, mendapat keadilan apabila suami mengamalkan poligami dan memilih bakal suami telah dinafikan daripada seorang insan yang bernama wanita.

Agama Islam datang untuk mencabar kebiasaan dan adat yang membawa kerosakan ini. Tidak dinafikan, idea pembebasan wanita inilah yang menjadi faktor utama yang mendorong kaum wanita jahiliah dan beberapa orang sahabat lain untuk menganut agama Islam yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Tokoh wanita Muslim yang telah diangkat darjatnya, seperti Sayidatina Khadijah binti Khuwailid, Sumayyah binti Khabat dan Ummu al-Khayr merupakan wanita yang awal menerima dakwah Rasulullah SAW dan meninggalkan tradisi nenek moyang mereka. Kefahaman yang mendalam tentang pembebasan daripada mengabdikan diri dan kembali

kepada makna perhambaan yang sebenar menyebabkan Sumayyah binti Khabat tidak gentar untuk mengakui keimanannya di hadapan musuh Islam, sekalipun beliau perlu membayarnya dengan nyawa. Hingga hari ini, peristiwa Sumayyah binti Khabat ini terus menjadi kisah inspirasi yang dinukilkan buat pedoman generasi terkemudian.

Dengan asbab pembebasan ini juga, maka Allah SWT telah menegur sikap manusia yang selektif apabila hanya bergembira jika anak yang dilahirkan itu anak lelaki. Khabar tentang kelahiran anak sewajarnya disambut dengan kesyukuran tanpa mengira jantina anak itu. Firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang daripada mereka bahawa dia dikurniakan anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang dia menahan perasaan marahnya di dalam hati. (*Surah al-Nahl* 16:58).

Dalam ayat yang lain, Allah SWT sekali lagi menyatakan sikap buruk orang Arab jahiliah yang gemar membunuh anak perempuan mereka melalui firman-Nya yang bermaksud, "Dan apabila anak perempuan



yang ditanam hidup-hidup ditanya, dengan dosa apakah dia dibunuh?" (*Surah al-Takwir* 81:8-9). Ayat tersebut bertujuan untuk mendidik umat Islam agar meyakini bahawa setiap kelahiran merupakan anugerah daripada Allah SWT yang wajib disyukuri.

Selain daripada kebiasaan orang Arab menanam anak perempuan hidup-hidup, kaum wanita juga diperlakukan untuk tujuan memuaskan nafsu mereka. Kaum wanita dijadikan sebagai penari yang diberikan tugas untuk menari di sekitar Kaabah ketika mereka meraikan upacara tahunan. Kedatangan Islam menyebabkan budaya negatif ini dihapuskan kerana agama Islam sekali-kali tidak membenarkan sebarang aktiviti yang berbentuk penganiayaan dilakukan.

Asas utama yang ditegakkan oleh agama Islam adalah untuk meletakkan kedudukan wanita sama seperti lelaki. Tidak ada kurang dan tidak ada yang lebih. Kedua-duanya memikul tanggungjawab agama yang sama. Asas ini dapat dilihat melalui firman Allah SWT yang bermaksud, "Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)." (*Surah al-Hujurat* 49:13).

Selepas agama Islam diturunkan, amalan jahiliah yang mencengkam

wanita sehingga mereka kekal dalam dilema sedikit demi sedikit dimansuhkan dan digantikan dengan peraturan yang adil dan saksama. Pembebasan utama buat kaum wanita adalah tatkala Islam tidak membeza-bezakan kedudukan mereka dalam syariat. Dengan erti kata lain, agama Islam tidak meletakkan jantina sebagai tembok besar yang menghalang hak wanita untuk beribadat. Dalam al-Quran, Allah SWT menyatakan bahawa orang beriman sama ada lelaki atau wanita, kedua-duanya akan diberikan ganjaran sekiranya mereka berbuat amal kebaikan, dan peroleh balasan buruk sekiranya perbuatan mereka sebaliknya.

Hal ini seperti yang telah disebutkan dalam firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, daripada lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikit pun." (*Surah al-Nisa'* 4:24).

Dalam hadis Nabi Muhammad SAW, jelas Baginda menyambut baik usaha memerdekakan wanita daripada belenggu jahiliah ini. Baginda sendiri yang telah memberikan keizinan kepada kaum wanita untuk keluar menunaikan solat berjemaah di masjid, sedangkan pada waktu itu amalan wanita keluar di khalayak ramai dipandang sinis. Islam turun bersama-sama rahmat kepada kaum wanita. Maka itu, Rasulullah SAW menyeru agar jangan ditegah jika wanita berazam untuk hadir ke rumah Allah untuk mengerjakan solat berjemaah. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Janganlah kalian





Sifat keibuan wanita amat diperlukan dalam sektor pembangunan negara, seperti pendidikan, perubatan dan kemasyarakatan. Kelembutan dan sikap sopan mereka bukanlah jurang pemisah untuk mereka sama-sama terlibat dalam usaha menyumbang ke arah pembangunan negara.

menghalang hamba Allah wanita daripada keluar menuju ke rumah Allah SWT.” (Hadis riwayat Imam Malik dalam *al-Muwatta’*).

Selain itu, hak wanita untuk mewarisi harta pusaka, memilih pasangan, menerima mas kahwin dan nafkah, serta pendidikan turut dikembalikan kepada mereka. Tiada lagi diskriminasi jantina. Wanita Islam diberikan ruang kebebasan, namun dipandu oleh garis panduan yang diletakkan oleh syariat. Hal ini dikatakan demikian kerana erti kebebasan itu bukan bermakna seseorang hamba itu dapat melakukan apa-apa tanpa terikat dengan batasan atau prasyarat tertentu. Kebebasan yang sebenar adalah apabila fungsi manusia sebagai khalifah di muka bumi ini dapat dijalankan seiring dengan ketetapan *sunnatullah*.

Oleh hal yang demikian, kaum wanita diberikan galakan untuk mendapatkan pendidikan yang baik. Pada zaman Rasulullah SAW, kaum wanita telah menuntut agar Baginda mengadakan halakah ilmiah secara khusus kepada mereka memandangkan kaum lelaki kebiasaannya mendominasi ruang perbincangan sekiranya majlis ilmu dijalankan serentak. Nabi Muhammad SAW menyambut baik tuntutan itu. Sekiranya Baginda tidak dapat memenuhi tuntutan kelas, maka Baginda akan mengutus Umar bin al-Khattab untuk mengetuai kelas berkenaan.

Mengambil kira kemahiran mereka dalam bidang tertentu, adakalanya kaum wanita turut dibenarkan untuk ikut serta dalam peperangan bersama-sama para sahabat yang lain. Mereka ditugaskan sebagai petugas

barisan hadapan yang akan merawat mana-mana tentera yang cedera atau membawa pulang jenazah ke Madinah bagi tujuan pengurusan. Hal ini seperti yang direkodkan oleh al-Rubayyi’ binti Mu’awwiz dalam kitab *Sahih al-Bukhari* yang bermaksud, “Dahulunya kami ikut serta peperangan bersama-sama Rasulullah SAW. Kami bertugas untuk memberikan minuman, merawat luka dan membawa mangsa yang terkorban ke Madinah.”

Melihat keunikan yang dianugerahi Tuhan kepada kaum wanita, seharusnya kedudukan wanita diangkat pada tempat yang sewajarnya. Sifat keibuan mereka amat diperlukan dalam sektor pembangunan negara, seperti pendidikan, perubatan dan kemasyarakatan. Kelembutan dan sikap sopan mereka bukanlah jurang pemisah untuk mereka sama-sama terlibat dalam usaha menyumbang ke arah pembangunan negara.

Sememangnya, Allah SWT menciptakan lelaki dan wanita sebagai pasangan yang saling melengkapi. Meskipun secara biologinya atau psikologi kaum lelaki dan wanita memiliki perbezaan, namun hal itu tidak menjadikan lelaki lebih berhak dimuliakan disebabkan kudrat mereka yang lebih berbanding dengan wanita. Anugerah fizikal yang kuat ini datang bersama-sama tanggungjawab, iaitu untuk melindungi wanita daripada menjadi mangsa, mencari nafkah, mendidik mereka, dan seumpamanya. Erti kemerdekaan buat kaum wanita perlu diterapkan dalam minda setiap generasi agar mereka yang lahir pada kemudian hari sentiasa faham akan tanggungjawab yang perlu dilunaskan. **DTI**